

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Belanjawan 2023 'wajib' fokus isu kos sara hidup

Belanjawan 2023 'wajib' fokus isu kos sara hidup

Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan semula pada 24 Februari ini perlu memberi tumpuan dalam menjamin kesejahteraan rakyat terutama mengurangkan beban kos sara hidup yang tinggi terhadap golongan rentan, demikian kata penganalisis.

Penganalisis ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoiyai Bardai, berkata bantuan tunai masih diperlukan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah kekal berdaya tahan menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar.

Beliau berkata, lazimnya, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi tumpuan, namun dengan jangkaan ekonomi global semakin tidak menentu dan prospek pertumbuhan kurang memberangsangkan, adalah perlu untuk Bajet 2023 memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat.

"Bagi saya, fokus pada tahun ini adalah kesejahteraan rakyat kerana kita akan berdepan cabaran sukar.

"Kos sara hidup dijangka meningkat dan apabila kos sara

hidup meningkat, pendapatan benar (rakyat) menjadi rendah dan tahap kesengsaraan makin tinggi," katanya kepada *BH*.

Barjoiyai berkata, persoalan sekarang adalah bagaimana untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat yang secara teorinya adalah dengan menurunkan harga barang.

Namun, beliau berkata, usaha menurunkan harga barang sesuatu yang sangat sukar kerana negara tidak boleh melakukan kawalan, terutama bahan makanan yang diimport dengan harga yang meningkat boleh mendo-

rong inflasi import.

Justeru, katanya, kerajaan perlu menangani isu kenaikan harga barang dengan memastikan pengguna tidak dieksploitasi dan pada masa sama menjamin kelangsungan perniagaan.

"Kita tidak boleh mempunyai matlamat mengurangkan harga, tetapi jika kita boleh menstabilkan harga adalah satu pencapaian (dengan mengambil kira keadaan semasa)," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, dijadual membentangkan semula Belanjawan

2023 di Dewan Rakyat pada 24 Februari ini.

Pembentangan semula bajet tahunan itu berikutan Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 7 Oktober 2022 tidak dapat dibahas dan diluluskan berikutan pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) diadakan.

Ketika ia dibentangkan kali pertama pada awal Oktober tahun lalu, peruntukan bajet itu paling besar dan tinggi dalam sejarah negara iaitu berjumlah RM372.3 bilion.